



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENANGGUHAN PESTA KANOWIT 2023**

**24 SEPTEMBER 2023 (AHAD)**

**8.00 PAGI**

**WATERFRONT KANOWIT**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

## **SALUTIASI**

*\*Disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita diberi kesempatan berhimpun di Waterfront Kanowit bagi Majlis Penangguhan Pesta Kanowit 2023.
2. Sebelum itu, izinkan saya untuk mengucapkan **jutaan terima kasih kepada semua** yang telah hadir pada hari ini dan tidak lupa juga kepada Kerajaan Negeri Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Kanowit, dan semua pihak yang terlibat dalam memastikan majlis ini dapat dijayakan. Saya begitu berbangga sekali kerana Pesta Kanowit pada tahun ini bukan sahaja dihadiri oleh Masyarakat setempat tetapi juga tetamu-tetamu kita dari Semenanjung Malaysia.
3. Untuk makluman saudara-saudari kita dari Semenanjung Malaysia, **Pesta Kanowit adalah satu acara yang menggabungkan budaya, tradisi, dan masyarakat kita dengan penuh kebanggaan.**

4. Pesta ini merupakan satu acara yang begitu dinanti-nantikan, bukan sahaja kerana pelbagai persembahan kesenian yang memukau, makanan yang lazat, atau acara sukan yang mengujakan, tetapi juga kerana ia menjadi platform yang **mempromosikan perpaduan yang kukuh** di antara kita semua. Seperti pada hari ini, saya melihat kita disatukan daripada pelbagai etnik, agama, dan latar belakang di bawah payung Pesta Kanowit.

### **LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF PESTA KANOWIT**

5. Pesta Kanowit ini **mula diadakan pada tahun 2003**, ketika itu Pesta Kanowit dinamakan Pesta Rakyat Kanowit. **Aktiviti utama semasa Pesta Kanowit adalah perlumbaan Powerboat F2000 dan juga Reggata Kanowit** yang masih diadakan sehingga kini.
6. Pesta Kanowit ini bertujuan untuk **menarik pengunjung luar daerah Kanowit untuk datang ke sini**. Di samping itu, ianya boleh **mempromosikan Daerah Kanowit** sebagai satu tarikan pelancong ke luar bandar. **'Where Memories Are Made'** adalah slogan bagi Pesta Kanowit, yang membawa maksud bahawa setiap pengunjung yang datang ke pesta ini akan membawa 1001 kenangan yang sentiasa akan diingati.

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

## **PESTA KANOWIT WADAH SEMARAK PERPADUAN**

7. Pesta ini sangat istimewa di mana kita semua dapat berkumpul untuk **meraikan keindahan dan keragaman budaya serta warisan** yang kita miliki di Kanowit. Pesta Kanowit adalah masa yang tepat untuk kita semua bersatu, berhubung, dan merayakan semangat kebersamaan yang telah mekar dalam diri dalam kalangan kita selama ini.
  
8. Pesta Kanowit ini adalah selari dengan **inisiatif 'Ini Warisan Kita' yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara** sebagai pengisian utama dalam program flagship Kementerian iaitu Kembara Perpaduan Malaysia Madani. Inisiatif Ini Warisan Kita adalah satu usaha untuk meningkatkan **pengalaman 'feel good factor'**, program seumpama ini diyakini berupaya menyuntik semangat cinta kepada tanah air melalui penghayatan terhadap kepelbagaian khazanah yang kita warisi sejak turun temurun lagi.

9. Melalui inisiatif Ini Warisan Kita, kementerian telah mengadakan program-program seperti;
- Pameran 17 Rumah Etnik Ketika Sambutan Minggu Perpaduan
  - Pameran 5 etnik Siam, Baba Nyonya, Chetti, Portugis dan Mahmeri di pusat beli-belah IOI City Mall
  - Misi sukarelawan siswa YSS ke Negeri Sabah
  - Program Ini Warisan Kita di SMK Perempuan Methodist, Klang
  - Program Warisan Masyarakat Siam di Kelantan dan
  - Program Warisan Masyarakat Chetti & Portugis di Melaka
  - Bicara Bahasa Kolokial di Kuantan dan Kota Kinabalu
10. Selain itu, dalam untuk melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang kepelbagaian khazanah warisan negara ini, Kementerian Perpaduan Negara telah **menyediakan geran Ini Warisan Kita bernilai RM 50,000.00.**
11. Kini, kita merayakan Pesta Kanowit dengan semangat yang penuh kebanggaan, menghargai kepelbagaian budaya, tradisi, dan warisan kita yang unik. Melalui sambutan ini, kita perlu

sedar bahawa kebudayaan kita adalah satu khazanah yang yang amat bernilai dan harus dijaga dengan baik.

12. Pesta Kanowit **menghimpunkan semua lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang atau kepercayaan**, dalam satu perhimpunan yang penuh kegembiraan. Ini adalah contoh yang baik tentang bagaimana budaya dan tradisi kita dapat menjadi perekat yang kuat dalam masyarakat kita.
13. Kita perlu bangga merayakan perpaduan ini, yang telah **memperkaya warisan kita dan menjadikan Kanowit tempat yang unik dan sangat istimewa**. Ini adalah contoh bagaimana perbezaan boleh menjadi sumber kekuatan kita, dan saya berharap agar Pesta Kanowit ini akan sentiasa menjadi titik pertemuan yang memupuk pemahaman dan toleransi di kalangan kita semua.
14. Untuk makluman semua, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan lafaz Rukun Negara secara penuh bermula dari mukadimah susulan kelulusan Jemaah Menteri pada 25 Julai 2023. Rukun Negara kini dilafazkan penuh dalam majlis-majlis rasmi Kerajaan Persekutuan, sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sehubungan dengan itu, saya juga berharap agar kesemua Kerajaan Negeri turut melaksanakan perkara ini bagi

memastikan Rukun Negara terus dapat dihayati dan direncanakan dalam kehidupan seharian.

## **PENUTUP**

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya berharap semoga Pesta Kanowit akan terus berkembang dan berjaya, dan kita dapat **terus menjaga perpaduan dan keharmonian** dalam masyarakat kita. Mari kita teruskan usaha bersama dalam memelihara warisan ini sebagai satu sumber kekuatan dan identiti kita sebagai bangsa Malaysia yang berbilang kaum.
  
16. Apa yang sangat penting adalah untuk kita sentiasa beringat bahawa perpaduan bukan hanya berlaku semasa pesta ini berlangsung, tetapi juga dalam kehidupan seharian kita. Kita semua mempunyai peranan masing-masing untuk saling **berganding bahu membina masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.**
  
17. Dengan ini, **secara rasminya saya ‘tanggihkan Pesta Kanowit 2023’**, kita jumpa semula tahun hadapan di Pesta Kanowit 2024.

Sekian, terima kasih.